

**GARIS PANDUAN PENGECCUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS  
KENDERAAN PERSENDIRIAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN  
YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LANGKAWI / LABUAN**

**1. Pengenalan**

**Kakitangan Kerajaan (tidak terpakai kepada kakitangan Badan Berkanun mulai 1 Januari 2020)** yang tamat berkhidmat di Langkawi / Labuan layak mendapat pengecualian 50% duti import dan duti eksais ke atas kenderaan persendirian yang dibawa balik dari Langkawi / Labuan.

**2. Syarat Kelayakan**

- (i) Pemohon mestilah telah berkhidmat **tidak kurang dari satu (1) tahun** di Langkawi/Labuan;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport **mesti didaftarkan atas nama pemohon** tempat ia bertugas di Langkawi/Labuan dalam tempoh **tidak kurang dari enam (6) bulan** dari tarikh bertukar balik ke Semenanjung/Sabah/Sarawak;
- (iii) Pengecualian 50% duti import dan duti eksais hanya diberi kepada pegawai/kakitangan yang bertukar balik ke Semenanjung/Sabah/Sarawak dan bukannya bertukar ke negara lain;
- (iv) Permohonan perlu **dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan** daripada tarikh diarah pulang/bertugas; dan
- (v) Semua **dokumen sokongan perlu disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.

**3. Senarai dokumen sokongan yang diperlukan:**

- (i) Salinan perlantikan sebagai surat arah bertugas ke Langkawi/Labuan;
- (ii) Salinan surat arahan pertukaran pulang ke Semenanjung/Sabah/Sarawak;
- (iii) Salinan geran kenderaan (muka depan dan belakang);
- (iv) Salinan anggaran taksiran semasa kenderaan oleh Kastam Diraja Malaysia;
- (v) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (vi) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang);
- (vii) Surat permohonan daripada Ketua Jabatan yang mengesahkan telah melapor diri di penempatan baru; dan
- (viii) Surat justifikasi kelewatan mengemukakan permohonan pengecualian duti import dan duti eksais [jika tidak mematuhi syarat kelayakan 2(iv)].